

## Norazlina Abd Jalil

**From:** Mohd Amerul Shafiz Bin Hasbullah <amerul@uum.edu.my>  
**Sent:** Thursday, 14 May, 2020 5:33 PM  
**To:** norazlinaabdjalil@gmail.com  
**Subject:** Fw: Selamat Pulang Ke Pangkuan Keluarga

**Daripada:** UUM CORPORATE COMM.  
**Dihantar:** 29 April 2020 23:02  
**Kepada:** UUM - All Staff; UUM - All Students  
**Subjek:** Selamat Pulang Ke Pangkuan Keluarga



UUM Corporate Comm.  
Universiti Utara Malaysia

29 APRIL 2020 / 6 RAMADAN 1441H  
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee  
Gambar oleh: Shamsaimi Ezil dan Abdul Halim Husain

### SELAMAT PULANG KE PANGKUAN KELUARGA



**UUM ONLINE:** Berkat kesabaran menanti peluang untuk bertemu ahli keluarga, seramai 309 pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) telah selamat berlepas pulang ke kampung halaman petang tadi.

Daripada jumlah tersebut, 207 pelajar menaiki bas dan van yang disediakan universiti, manakala selebihnya menaiki kenderaan sendiri menuju ke destinasi masing-masing melibatkan sekitar negeri Kedah dan Pulau Pinang.

Proses penghantaran pelajar yang bermula jam 11.30 pagi itu dimulakan dengan sesi pendaftaran dan saringan kesihatan oleh Pusat Kesihatan Universiti (PKU) sebelum penghantaran pulang pelajar bermula jam 3 petang dengan disaksikan Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani di Dewan Mu'adzam Shah.

Naib Canselor berkata, beliau bersyukur kerana akhirnya pelajar-pelajar universiti ini dibenarkan pulang ke kampung halaman masing-masing berkat kesabaran mereka.

Menurutnya, UUM telah mematuhi segala SOP yang ditetapkan kerajaan dengan memastikan tahap kesihatan pelajar berada dalam keadaan baik, malah pelajar ini juga menunjukkan disiplin tinggi dengan mematuhi setiap arahan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

"Saya juga berterima kasih kepada semua petugas yang bekerja siang dan malam selama hampir dua bulan bagi memastikan keselamatan pelajar adalah terkawal serta anggota polis dan bomba yang banyak membantu dalam proses penghantaran pulang pelajar sejak semalam.

"Sudah pastinya juga, pelajar yang tidak sabar untuk bertemu ahli keluarga pada hari ini bagi menjalani ibadah puasa serta bersahur bersama setelah sekian lama mereka tidak berjumpa," katanya.

Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir berkata, walaupun pelajar sudah dibenarkan pulang tetapi adalah diingatkan supaya mereka tidak melupakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara atas talian (*online*) yang sudah bermula sejak 27 April lalu.

Menurutnya, pelajar tidak harus leka kerana semester ini belum berakhir dan masih terdapat baki tempoh pengajian kira-kira dua bulan lagi bagi melengkapkan semester tersebut termasuk ulangkaji dan peperiksaan.

"Sekiranya menghadapi sebarang masalah untuk akses internet, pastikan berhubung atau berkomunikasi dengan pensyarah supaya sistem *online* atau *remote learning* yang dilaksanakan universiti dapat berjalan lancar.

"Saya berharap pelajar dapat menjaga kesihatan dan menjaga kebersihan diri dan sentiasa berada di rumah kerana peraturan Perintah Kawalan Pergerakan masih dikuatkuasakan sehingga keadaan kembali pulih," katanya.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.